



PENYAMPAIAN...Nik Mustafa (tiga dari kiri) bersama penerima sijil Amalan 5S.

KIK lahir staf komited

KUANTAN: Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) bagi melahirkan kakitangan komited ke arah meningkatkan kualiti dan produktiviti serta memudahkan pihak pengurusan menganalisis permasalahan di setiap jabatan.

Pengerusi Jawatankuasa Induk KIK, Mustafa Ibrahim, berkata setiap kakitangan perlu mempunyai sikap toleransi dan bersedia mengemukakan masalah secara terbuka dan cadangan penyelesaian kepada universiti.

Beliau berkata, pelaksana-

an KIK dapat mengurangkan pembaziran waktu kerja, bersedia menyelesaikan aduan pelanggan dan mewujudkan hubungan harmoni antara kakitangan dengan pengurusan serta membentuk budaya kerja cemerlang.

"Setiap KIK dianggotai antara enam dan 10 orang mengenal pasti, menganalisis dan menyelesaikan masalah tugas masing-masing dan bekerjasama sebagai satu kumpulan profesional.

"Sumbangan kakitangan dalam organisasi bagi membantu pengurusan tertinggi sangat digalakkan te-

rutama ke arah penyelesaian masalah, meningkatkan budaya kerja cemerlang, peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran KIK dan Penyampaian Sijil Amalan 5S anjuran bersama Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK) dan Jabatan Pendaftar UMP di universiti itu di sini, semalam.

Penyampaian itu disempurnakan Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Timur, Nik Mustafa Raja Salleh.

Melua (Sekinpa) Jumaat 17/7/09 mg 46